

Insaniah dinaik taraf kepada Universiti Islam Kedah

ALOR SETAR 30 JUN — Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (Insaniah), di Mergong, di sini yang merupakan sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) milik kerajaan negeri akan dinaikkan taraf menjadi Universiti Islam Kedah (UIK) tidak lama lagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, ini menjadikan UIK sebagai satu-satunya universiti di negara ini yang mengadakan program berkembar dengan Universiti Al-Azhar di Mesir.

Sehubungan itu katanya, UIK bukan sahaja menawarkan kursus di peringkat sarjana muda malah di peringkat sarjana dan doktor falsafah.

"Sebelum ini Insaniah hanya menawarkan pengajian selama tiga tahun di peringkat Sarjana Muda dan setahun lagi dihabiskan di Universiti Al-Azhar, Mesir," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad Ke-37 dan pelancaran logo

Karnival Beli-Belah Pekan Rabu di Hotel Grand Continental di sini hari ini.

Syed Razak berkata, pihak pengurusan Universiti Al-Azhar telahpun memberikan persetujuan supaya Insaniah dinaikkan ke taraf universiti.

Beliau berkata, keputusan untuk mengiktiraf Insaniah akan dibincangkan dalam sidang Dewan Negeri bulan depan.

"Kerajaan negeri juga akan berusaha untuk menambahkan peruntukan bagi memperbesarkan lagi

Insaniah yang dinaikkan taraf ke peringkat universiti," katanya.

Jelas beliau, kerajaan negeri juga bercadang meminta peruntukan daripada kerajaan pusat untuk pembesaran bangunan pusat pengajian tersebut.

Beliau berkata, sehingga kini Insaniah turut menawarkan tempat untuk pelajar dari luar negara seperti Thailand, Brunei, Indonesia bagi mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda Usuluddin, Syariah dan juga Bahasa Arab.